



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 3269/3099/3362
Faks : 03-8883 4389/4364/4395
Web : <http://finance.moh.gov.my>



KKM 400-8/1/53 Jld.4 (26)

24 Jun 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SURAT JAMINAN PERSATUAN PERUBATAN ISLAM MALAYSIA (*ISLAMIC MEDICAL ASSOCIATION OF MALAYSIA*) BAGI TUJUAN KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN DI 100 HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM).

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersetuju agar surat jaminan Persatuan Perubatan Islam Malaysia (*Islamic Medical Association of Malaysia*) (IMAM) digunakan oleh pelarian *United Nation High Commisioner for Refugees* (UNHCR) bagi tujuan mendapatkan kemudahan rawatan perubatan (pesakit dalam) di **100 buah hospital KKM Semenanjung Malaysia** yang terpilih. Senarai hospital tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Kelulusan penggunaan surat jaminan IMAM di hospital KKM adalah bagi tempoh **tiga (3) tahun berkuat kuasa mulai 1 September 2021 hingga 31 Ogos 2024**. Surat Jaminan ini akan membolehkan pelarian UNHCR yang berdaftar dengan IMAM di bawah Program *Response and Relief Team* (IMARET) untuk mendapatkan kemudahan rawatan perubatan (pesakit dalam) tanpa pembayaran deposit. Walau bagaimanapun, pihak hospital perlu membuat tuntutan pembayaran balik kos rawatan yang diterima oleh pelarian ini kepada pihak IMAM mengikut panduan yang ditetapkan. Salinan panduan pelaksanaan tersebut adalah seperti di **Lampiran B**. Salinan contoh Surat Jaminan (*Guarantee Letter*) Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM) adalah seperti di **Lampiran C**.

4. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah dimohon untuk memaklumkan perkara tersebut di atas kepada semua PTJ di bawah seliaan YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada Encik Mohammad Azziyadi Ismail (03-8883 3740 / azziyadi@moh.gov.my) atau Encik Julian Anak Akau (03-8883 2409 / julian.anak@moh.gov.my).

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DHANESH KUMAR DANESEKARAN)

Setiausaha Bahagian (Kewangan)
b.p.Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Salinan kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

UNHCR Malaysia
570 Jalan Bukit Petaling
50460 Kuala Lumpur
(u.p Dr. Mathavi Sahathuan)

Persatuan Perubatan Islam Malaysia
Islamic Medical Association of Malaysia
No. 1-2, Jalan SP1, Selayang Point
68100 Batu Caves
Selangor
(u.p Encik Ikram Hassan)

SENARAI EDARAN

1. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan.
2. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 35 & 37, KOMTAR
10590 Pulau Pinang.
3. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10 & 11
Wisma Sunwaymas
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan
Selangor Darul Ehsan.
4. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus.
5. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Darul Takzim.
6. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh, Melaka.
7. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur dan Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan.

8. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail 20920 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman.
9. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
Kedah Darul Aman.
10. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan.
11. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Tingkat 12, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur.
12. **Pengarah**
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
15590 Kota Baharu
Kelantan Darul Naim.

SENARAI HOSPITAL KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PENGGUNAAN SURAT JAMINAN IMAM

Perlis	1	Hospital Tuanku Fauziah , 01000 Kangar
Kedah	2	Hospital Sungai Petani , 08000 Sungai Petani
	3	Hospital Kulim , 09000 Kulim
	4	Hospital Baling , 09100 Baling
	5	Hospital Daerah Sik , 08200 Sik
	6	Hospital Langkawi , 07000 Langkawi
	7	Hospital Yan , 06900 Yan
	8	Hospital Jitra , 06000 Jitra
	9	Hospital Kuala Nerang , 06300 Kuala Nerang
	10	Hospital Sultan Abdul Halim, Jalan Lencongan Timur Bandar Amanjaya, Sungai Petani Kedah
	11	Hospital Sultanah Bahiyah KM 6, Jln Langgar, Alor Setar
Pulau Pinang	12	Hospital Pulau Pinang , Jalan Resideni , 10450 Pulau Pinang
	13	Hospital Sungai Bakap , 14200 Sg Jawi , Seberang Perai Selatan
	14	Hospital Bukit Mertajam , Jalan Kulim , 14000 Bukit Mertajam
	15	Hospital Balik Pulau , 11000 Balik Pulau
	16	Hospital Seberang Jaya , Bandar Baru , Seberang Jaya
	17	Hospital Kepala Batas, Jalan Bertam, Kepala Batas Pulau Pinang
Perak	18	Hospital Taiping , Jalan Taming Sari , 34000 Taiping
	19	Hospital Teluk Intan , Jalan Changkat Jong , 36000 Teluk Intan
	20	Hospital Kuala Kangsar , Jalan Sultan Idris Shah 1 , 33000 Kuala Kangsar
	21	Hospital Parit Buntar , Jalan Sempadan , 34200 Parit Buntar
	22	Hospital Batu Gajah , Jalan ChangkatJ , 31000 Batu Gajah
	23	Hospital Tapah , Jalan Temoh , 35000 Tapah
	24	Hospital Kampar , Jalan Hospital , 31500 Kampar
	25	Hospital Slim River , 35800 Slim River
	26	Hospital Grik , Jalan Intan , 33000 Grik
	27	Hospital Selama , Jalan Taiping , 34100 Selama
	28	Hospital Seri Manjung , 32040 Seri Manjung
	29	Hospital Changkat Melintang , 32600 Bota
	30	Hospital Sungai Siput , Jalan Felde Lasah , 31100 Sungai Siput
	31	Hospital Bahagia , 31250 Ulu Kinta
	32	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Jalan Hospital Ipoh, Perak
Wilayah Persekutuan	33	Hospital Besar Kuala Lumpur , Jalan PahangJ , 50586 Kuala Lumpur
	34	Hospital Putrajaya , Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan , Presint 7 , 62250 Putrajaya
	35	Institut Perubatan Respiratori , Jalan Pahang , 53000 Kuala Lumpur
	36	Hospital Rehabilitasi Cheras Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak Cheras 56000 Kuala Lumpur
	37	Hospital Tunku Azizah (Wanita Dan Kanak-Kanak), Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur

Selangor	38	Hospital Tengku Ampuan Rahimah , 41200 Klang, Klang
	39	Hospital Kajang , Jalan Semenyih , 43000 Kajang, Hulu Langat
	40	Hospital Tanjung Karang , 45500 Tanjung Karang, Kuala Selangor
	41	Hospital Kuala Kubu Bharu , Jalan Hospital , 44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor
	42	Hospital Tengku Ampuan Jemaah , 45200 Sabak Bernam, Sabak Bernam
	43	Hospital Banting , 42700 Banting, Kuala Langat
	44	Hospital Selayang , Lebuhraya Selayang-Kepong , 68100 Batu Caves, Gombak
	45	Hospital Sungai Buloh , 47000 Sungai Buloh, Gombak
	46	Hospital Serdang, 43300 Seri Kembangan, Petaling
	47	Hospital Ampang, 68000 Ampang
	48	Hospital Shah Alam, 40000 Shah Alam, Petaling
Negeri Sembilan	49	Hospital Kuala Pilah , 72000 Kuala Pilah
	50	Hospital Port Dickson , KM 11 , Jalan Pantai , 71050 Sri Rusa
	51	Hospital Tampin , 73009 Tampin
	52	Hospital Jelebu , 71600 Kuala Kelawang
	53	Hospital Jempol, 72120 Bandar Baru Seriting
	54	Hospital Rembau
	55	Hospital Tuanku Ampuan Najihah KM 3 Jalan Melang Kuala Pilah Negeri Sembilan
	56	Hospital Tuanku Ja'afar Seremban, Jalan Rasah Seremban, Negeri Sembilan
Melaka	57	Hospital Melaka , Jalan Mufti Haji Khalil , 75499 Melaka
	58	Hospital Alor Gajah , 78000 Alor Gajah
	59	Hospital Jasin , Jasin Melaka
Johor	60	Hospital Sultanah Aminah , 80100 Johor Bharu
	61	Hospital Pakar Sultanah Fatimah , Jalan Salleh , 84000 Muar
	62	Hospital Sultanah Nora Ismail , Jalan Kurma, Taman Soga, 83000 Batu Pahat
	63	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom , Km 5, Jalan Kota Tinggi, 86000 Kluang
	64	Hospital Segamat , KM 6 , Jalan Genuang , 85000 Segamat
	65	Hospital Pontian , Jalan Alsagoff , 82000 Pontian
	66	Hospital Kota Tinggi , Jalan Lombong , 81900 Kota Tinggi
	67	Hospital Mersing , Jalan Ismail , 86800 Mersing
	68	Hospital Tangkak , Jalan Hospital , 84900 Tangkak
	69	Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim , 81000 Kulai
	70	Hospital Permai , Jalan Tampoi , 81200 Johor Bahru
	71	Hospital Sultan Ismail , Jalan Persiaran Mutiara Emas Utama, Taman Mount Austin, 81000 Johor Bahru
Pahang	72	Hospital Tengku Ampuan Afzan , Jalan Tanah Putih , 25100 Kuantan
	73	Hospital Pekan , 26600 Pekan
	74	Hospital Kuala Lipis , 27200 Kuala Lipis
	75	Hospital Raub , 27600 Raub
	76	Hospital Bentong , 28700 Bentong
	77	Hospital Jerantut , 27000 Jerantut
	78	Hospital Jengka , 26400 Bandar Pusat Jengka
	79	Hospital Muadzam Shah , 26700 Muadzam Shah
	80	Hospital Cameron Highland , d/a Pejabat Kesihatan , 39000 Tanah Rata , Pahang
	81	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah , 28000 Temerloh
	82	Hospital Rompin, Jalan Kg Kolam Kuala Rompin, 26800 Rompin Pahang
	83	Hospital Sultanah Hajjah Kalsom Tanah Rata, Cameron Highlands

Terengganu	84	Hospital Sultanah Nur Zahirah , 20400 Kuala Terengganu
	85	Hospital Dungun , 23000 Dungun
	86	Hospital Kemaman , 24000 Kemaman
	87	Hospital Besut , 22000 Besut
	88	Hospital Hulu Terengganu , 21700 Kuala Berang
	89	Hospital Setiu , Bandar Permaisuri, 22100 Setiu
Kelantan	90	Hospital Kota Bharu , Jalan Hospital , 15000 Kota Bharu
	91	Hospital Pasir Mas , Jalan Meranti , 17000 Pasir Mas
	92	Hospital Tumpat , Jalan Kelaburan , Tumpat
	93	Hospital Machang , Jalan Pasir Puteh , 18500 Machang
	94	Hospital Tanah Merah , 17500 Tanah Merah
	95	Hospital Tengku Anis , Jalan Kota Bharu , 16800 Pasir Puteh
	96	Hospital Gua Musang , Bandar Baru , 18300 Gua Musang
	97	Hospital Kuala Krai , Jalan Kota Bharu , 18000 Kuala Krai
	98	Hospital Jeli, 17600 Jeli, Jeli Kelantan
	99	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Jalan Hospital Kota Bharu Kelantan
	100	Hospital Sultan Ismail Petra KM 6, Jalan Kuala Krai - Gua Musang

**PANDUAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN SURAT JAMINAN
OLEH PERSATUAN PERUBATAN ISLAM MALAYSIA
(ISLAMIC MEDICAL ASSOCIATION OF MALAYSIA) (IMAM)
BAGI MENDAPATKAN KEMUDAHAN PERUBATAN DI FASILITI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

- 1.1 Panduan pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan mengenai pelaksanaan penggunaan Surat Jaminan yang dikeluarkan oleh Persatuan Perubatan Islam Malaysia (*Islamic Medical Association Of Malaysia*) (IMAM) bagi Pelarian dan Pemohon Suaka pemegang kad United Nation High Commissioner For Refugees (UNHCR) berdaftar dengan IMAM di bawah program *Response and Relief Team* (IMARET) bagi mendapatkan kemudahan perubatan di hospital KKM yang terpilih.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bersetuju meluluskan penggunaan Surat Jaminan yang dikeluarkan oleh IMAM kepada satu ratus (100) buah hospital KKM di Semenanjung Malaysia bagi Pelarian dan Pemohon Suaka pemegang kad UNHCR yang juga merupakan pesakit bantuan IMAM untuk mendapatkan kemudahan perubatan di hospital KKM yang terpilih tanpa deposit. Penggunaan Surat Jaminan IMAM di fasiliti KKM diluluskan untuk tempoh tiga (3) tahun berkuat kuasa mulai 1 November 2021 hingga 31 Oktober 2024. Senarai hospital di Semenanjung Malaysia yang dibenarkan menggunakan Surat Jaminan IMAM adalah seperti di **Lampiran A**.
- 2.2 Surat Jaminan yang dikeluarkan oleh pihak IMAM tersebut akan membolehkan Pelarian dan Pemohon Suaka pemegang kad UNHCR yang juga merupakan pesakit bantuan IMAM di bawah Program Response and Relief Team (IMARET) untuk mendapatkan kemudahan rawatan kesihatan (pesakit dalam) tanpa pembayaran deposit di hospital KKM Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, bil sebenar kemudahan perubatan yang diterima akan dikemukakan kepada pihak IMAM untuk dijelaskan.
- 2.3 Kemudahan rawatan kesihatan (pesakit dalam) termasuk pembayaran deposit secara percuma ini adalah terhad kepada pesakit bantuan IMAM yang juga merupakan Pelarian dan Pemohon Suaka pemegang kad UNHCR.

- 2.4 Penggunaan Surat Jaminan IMAM ini akan dapat membantu mengurangkan beban kewangan Pelarian dan Pemohon Suaka pemegang kad UNHCR yang tidak berkemampuan serta mengurangkan risiko kehilangan wang awam semasa pesakit berkenaan ke hospital. Selain itu, penggunaan Surat Jaminan ini dapat mengurangkan tanggungan Kerajaan dan mengelakkan daripada berlakunya tunggakan bil hospital KKM.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Pesakit bantuan IMAM yang hadir mendapatkan kemudahan perubatan (pesakit dalam) di hospital KKM yang diluluskan perlu mengemukakan Surat Jaminan yang dikeluarkan oleh IMAM bagi tujuan pendaftaran dan pengenalan diri. Pesakit yang mengemukakan Surat Jaminan akan menikmati kemudahan perubatan secara percuma dan dikecualikan membayar deposit kemasukan. Contoh Surat Jaminan yang dikeluarkan oleh IMAM adalah seperti di **Lampiran B**.
- 3.2 Sekiranya pesakit tidak membawa Surat Jaminan yang dikeluarkan oleh pihak IMAM, mereka akan dikenakan caj sebagaimana Pelarian dan Pemohon Suaka pemegang kad UNHCR yang lain. Selain itu, pihak hospital digalakkan meminta pesakit mengemukakan Kad Pengenalan Diri yang dikeluarkan UNHCR yang mengesahkan status pembawanya sebagai pendatang tanpa izin yang dilindungi UNHCR setiap kali mendapatkan rawatan pesakit dalam di hospital KKM atau Surat Pengenalan Diri yang menyatakan status pembawanya masih dalam pertimbangan UNHCR boleh juga digunapakai.
- 3.3 Pesakit seterusnya menerima rawatan setelah didaftarkan. Petugas wad akan mengemas kini kepingan caj / sistem mengenai senarai rawatan dan siasatan yang diterima oleh pesakit bantuan IMAM.
- 3.4 Setelah selesai dan didiscaj, petugas Unit Hasil / Unit Kewangan perlu mengemas kini bil pesakit. Semua bil rawatan sebenar / tuntutan bayaran rawatan pesakit bantuan IMAM tersebut perlu dikemukakan terus kepada pihak IMAM untuk dijelaskan.
- 3.5 **Carta alir** bagi pendaftaran dan pengebilan pesakit dalam bagi pesakit bantuan IMAM adalah seperti di **Lampiran C**.

Pemasangan Peralatan Implan dan Prostesis

- 3.6 Pesakit IMAM yang perlu pemasangan peralatan implan dan protesis, pihak hospital perlu mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada pihak IMAM untuk menanggung kos tersebut sebelum pemasangan dilakukan.

Kadar Caj

- 3.7 Kadar caj bagi rawatan perubatan / pembedahan / siasatan / ubat-ubatan / rawatan pesakit luar am / pakar yang dikenakan kepada pesakit bantuan IMAM yang juga merupakan Pelarian dan Pemohon Suaka pemegang kad UNHCR ialah lima puluh peratus (50%) daripada kadar caj warga asing yang terdapat dalam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014. Kadar caj lima puluh peratus (50%) daripada kadar caj warga asing tersebut adalah bagi Kelas 3 sahaja. Pihak hospital boleh merujuk Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil. 2 Tahun 2018 dengan rujukan (22) dlm.KKM.400-9/1/3.Jld.7 bertarikh 10 Ogos 2018 (Caj Rawatan Perubatan Bagi Pemandang Tanpa izin Yang Berdaftar Secara Sah Dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hal Ehwat Pelarian (United Nations High Commissioner For Refugees-UNHCR)) yang masih berkuat kuasa.
- 3.8 Kadar deposit perubatan / pembedahan / Obstetrik dan Ginekologi yang dikenakan kepada pesakit bantuan IMAM adalah lima puluh peratus (50%) daripada kadar deposit yang dikenakan kepada warga asing seperti dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil. 2 Tahun 2019 (Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.

4. TANGGUNGJAWAB UNIT HASIL / UNIT KEWANGAN HOSPITAL

- 4.1 Unit Hasil / Unit Kewangan hospital KKM perlu memastikan semua maklumat yang diisi oleh pesakit bantuan IMAM adalah lengkap dan teratur.
- 4.2 Sekiranya terdapat keraguan terhadap Surat Jaminan, Unit Hasil / Unit Kewangan bolehlah menghubungi pihak IMAM untuk pengesahan.
- 4.3 Setelah selesai dan didiscaj, petugas Unit Hasil / Unit Kewangan perlu mengemas kini bil pesakit. Semua bil rawatan sebenar / tuntutan bayaran rawatan pesakit bantuan IMAM tersebut perlu dikemukakan terus kepada pihak IMAM untuk dijelaskan. Segala pertanyaan dan pengebilan hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Persatuan Perubatan Islam Malaysia

No 1-2, Jalan SP1
Selayang Point, 68100
Batu Caves, Selangor
(u.p Puan Rosmawati Yaacob,
Program Coordinator
IMAM Response and Relief Team)
Tel : 017-655 7962
Email: referralunhcr.imaret@gmail.com


- 4.4 Sekiranya terdapat tunggakan bil, Unit Hasil / Unit Kewangan hendaklah memastikan tatacara penghantaran Surat Peringatan sebagaimana Surat Pekeliling KKM Bil. 5 Tahun 2007 iaitu Surat Peringatan perlu dikeluarkan kepada pihak IMAM sekiranya bil tidak dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh bil dikeluarkan.
- 4.5 Sekiranya pihak IMAM tidak membuat bayaran lagi selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh Surat Peringatan dikeluarkan, Unit Hasil / Unit Kewangan hospital perlu memaklumkan kepada Cawangan Pengurusan Hasil, Bahagian Kewangan, KKM untuk sekatan penggunaan Surat Jaminan IMAM di hospital KKM.
- 4.6 Maklumat bil tertunggak pesakit bantuan IMAM hendaklah dilaporkan kepada Cawangan Pengurusan Hasil, Bahagian Kewangan KKM pada atau sebelum 10hb pada bulan berikutnya bagi tujuan semakan oleh pihak KKM dan perlu dikemas kini dari semasa ke semasa.
- 4.7 Semua maklumat bayaran juga perlu dinyatakan dengan jelas dalam surat tuntutan seperti butiran yang perlu ditulis atas cek dan nombor akaun fasiliti bagi fasiliti yang mempunyai kemudahan bayaran secara *Electronic Fund Transfer* (EFT).
- 4.8 Semua terimaan bayaran perlu direkodkan berdasarkan proses perakaunan sedia ada dan resit perlu dikemukakan kepada pihak IMAM sekiranya bayaran telah dibuat.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Semua syarat, kadar caj, senarai hospital yang dibenarkan dan apa jua yang terkandung dalam Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan yang akan dibuat oleh KKM dari semasa ke semasa.
- 5.2 Panduan ini adalah berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jun 2022

**CARTA ALIR PERKHIDMATAN KESIHATAN MENGGUNAKAN JAMINAN BANK
PESAKIT OLEH PERSATUAN PERUBATAN ISLAM MALAYSIA
(ISLAMIC MEDICAL ASSOCIATION OF MALAYSIA) [IMAM]**





بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

PERSATUAN PERUBATAN ISLAM MALAYSIA

Islamic Medical Association of Malaysia

PPM-001-10-08011990

No. 1-2, Jalan SP1, Selayang Point, 68100 Batu Caves,
Selangor, Malaysia

Tel no: 6019 - 228 0223

Our Ref: IMARET/UNHCR/REF-XXX
Your Ref: MRN No. XXXX

By email
Date:

Unit Hasil

Hospital xxx,

Dear

Sir/Madam,

LETTER OF UNDERTAKING – HOSPITALISATION BILL OF XXXX (UNHCR NO. XXXXX)

The above matter refers.

Islamic Medical Association of Malaysia hereby undertake to bear the hospitalisation bill on behalf of XXXX ("Patient") up to **RMXXXX ONLY**.

Patient was admitted to the hospital on **xxxx** for treatment of **xxxx** at Hospital **xxxx**.

The patient is a refugee from **xxx** and an UNHCR card holder, Islamic Medical Association of Malaysia is currently being funded by a donor to manage referral cases among selected refugees who does not means to pay for their medical bills.

Details of Patient: -

Name	xxxx
UNHCR No.	xxxx
Admission date	xxxx
MRN No.	xxxx

Islamic Medical Association of Malaysia also undertake to settle the hospitalisation bill within **14 days of receiving bill from the hospital.**

This letter is valid for the fiscal year of 2021 and all claims should be submitted by 15th December, 2021. Submission pass this date will not be considered.

Should there be any inquiry, please contact our Program Coordinator Rosmawati Yaacob at **017-6557962** or email to **referralunhcr.imaret@gmail.com**.

Yours sincerely,

.....
Ahmad Ikram Ajmain bin Abu Hassan
General Manager

cc **Health Referral Committee**
(Ref:)

Email: execsecppim@gmail.com

"Al Hidayah, As Syifa', Ar Rahmah"

Homepage: <http://imamalaysia.org>